

KENYATAAN MEDIA

PERDANA MENTERI MERASMIKAN MAJLIS PECAH TANAH MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

Kuala Lumpur, 15 September 2016: Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak hari ini merasmikan majlis pecah tanah bagi MRT Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (Laluan SSP).

Majlis ini menandakan bermulanya pembinaan laluan MRT kedua bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang dan telah diadakan di tapak kerja MRT berhampiran Putrajaya Sentral di hujung selatan laluan sepanjang 52.2km itu.

Laluan SSP mempunyai 37 stesen, di mana 11 stesen adalah stesen bawah tanah. Laluan ini akan beroperasi dari Sungai Buloh ke Putrajaya melalui Kepong, Batu, Jalan Ipoh, Titiwangsa, KLCC, Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia, Sungai Besi, Serdang, UPM dan Cyberjaya.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) adalah Pemilik dan Pemaju Projek bagi Laluan SSP manakala MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) merupakan Rakan Pelaksana Projek.

Turut hadir di majlis pada hari ini ialah Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Haji Abdul Rahman Dahlan; Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor dan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Tan Sri Dato' Seri Dr Syed Hamid Albar.

Menyambut mesra tetamu ialah Pengerusi MRT Corp Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga merupakan Ketua Setiausaha Kerajaan, ahli Lembaga Pengarah MRT Corp Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan dan Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar.

Berucap pada majlis ini, Perdana Menteri berkata majlis pecah tanah ini merupakan satu pencapaian bagi Kerajaan kerana mampu membina laluan kedua MRT dalam tempoh lima tahun selepas pelancaran laluan pertama, MRT Laluan Sungai Buloh-



Kajang (Laluan SBK). Menurut beliau, majlis pada hari ini menekankan lagi tumpuan pentadbiran beliau dalam membangunkan infrastruktur pengangkutan awam yang baik bagi rakyat.

"Pada mulanya, kita tidak cukup fokus pada pembangunan pengangkutan awam. Hal ini menyebabkan kita menanggung akibatnya pada hari ini, dengan kesesakan lalu lintas bukan sahaja di Lembah Klang tetapi juga di kebanyakan bandar dan lebuhraya yang berada luar dari kawasan ini," ujar beliau.

Beliau berkata pelancaran projek pengangkutan awam yang kerap dijalankan baru-baru ini telah menunjukkan tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk mengejar kembali apa yang tidak dilakukan atau tidak menjadi fokus sebelum ini.

"Yakinlah bahawa sebagai Perdana Menteri, saya akan terus memberikan perhatian penuh saya untuk membangunkan satu sistem pengangkutan awam yang moden, cekap, boleh dipercayai dan selamat untuk rakyat, di Lembah Klang dan juga di luar kawasan," katanya.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Laluan SBK kerana telah menyiapkan projek dengan menepati masa dan kos sasaran.

Beliau menggesa semua pihak, terutama kontraktor, yang sebelum ini terlibat dengan Laluan SBK yang kini akan menjadi sebahagian daripada pembinaan Laluan SSP, untuk melakukan yang lebih baik bagi laluan baru ini bukan sahaja dari segi kecekapan dan produktiviti tetapi juga dalam aspek keselamatan dan kebajikan pekerja-pekerja mereka.

Bagi menjalankan majlis pecah tanah ini, Perdana Menteri telah memakaikan jaket keselamatan dan topi keledar pada pengendali mesin cerucuk gerak yang kemudiannya telah berjalan ke mesin dan memastikan mesin itu sedia beroperasi.

Perdana Menteri telah menarik tuil pada satu konsol, yang kemudiannya telah membunyikan siren yang memberi isyarat kepada pengendali mesin untuk memulakan kerja-kerja mengorek, lantas melambangkan pecah tanah bagi Laluan SSP. Perdana Menteri bersama dengan menteri-menteri kemudiannya memeriksa dan mengambil gambar dengan mesin cerucuk gerak yang baru sahaja melakukan pecah tanah.

Fasa Pertama bagi MRT Laluan SSP dari Sungai Buloh ke Kampung Batu dijangka beroperasi pada suku kedua tahun 2021, manakala keseluruhan laluan dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku kedua tahun 2022.



Apabila beroperasi, MRT Laluan SSP dijangka mempunyai bilangan penumpang harian seramai 529,000 penumpang.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi

***Encik Leong Shen-Li
MRT Corp***

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

***Cik Amalina Ghazali
MRT Corp***

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my